

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**SBU343 - Pengurusan Sistem Kesihatan**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Penswastaan ialah pemindahan peranan, fungsi dan tanggung jawab kerajaan kepada sektor swasta. Dengan memberi contoh-contoh dari negara sedang membangun, bincangkan dua kategori perkhidmatan kesihatan yang terlibat dalam penswastaan.
2. Perubahan pola penyakit daripada penyakit akut kepada penyakit kronik dan kehadiran semula penyakit berjangkit merupakan ciri-ciri yang wujud dalam transisi epidemiologi. Huraikan secara kritis faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan pola penyakit tersebut.
3. Untuk mengatasi masalah penyakit kronik, kerajaan telah menubuhkan Tabung Bantuan Perubatan (TBP). Namun begitu, ada pihak yang mendakwa bahawa golongan miskin masih sukar untuk mendapat bantuan daripada TBP. Bahaskan mengapa dakwaan ini timbul dan apakah pembaikan yang boleh dibuat untuk mengatasinya.
4. Gabungan rawatan moden dan tradisional tentunya menghasilkan penemuan yang cukup baik dalam bidang kesihatan. Bincangkan perkembangan gabungan rawatan moden dan tradisional di Malaysia.
5. Stes di tempat kerja boleh memberi impak yang serius terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja jika tidak diuruskan dengan baik. Bincangkan secara kritis impaknya terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja.
6. Dilaporkan bahawa perkembangan pelancungan kesihatan di Malaysia menunjukkan tren peningkatan sejak tahun 2005 (*Accountants Today*, Februari 2008). Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang ke arah perkembangan pelancungan kesihatan di Malaysia.